KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## JUMAAT, 23 JUN 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

*World Communications*

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

23/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **29.7PCT WOMEN BOARD OF DIRECTORS IN TOP 100 LISTED COMPANIES** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/06/922995/297pct-women-board-directors-top-100-listed-companies | NST.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117609/297-peratus-wanita-ahli-lembaga-pengarah-di-100-syarikat-tersenarai | BHARIAN.COM.MY |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/22/makin-ramai-wanita-menjadi-ahli-lembaga-pengarah/ | HARAKAHDAILY.NET |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/22/bilangan-wanita-dilantik-ahli-lembaga-pengarah-meningkat/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.facebook.com/kpwkm/posts/pfbid0P9UzFRhbLiCaNGbqAu5v7mQc9zssVgVGnRm7aChTWb2kibrzSAgKFuYdF5qEkCXWl | FACEBOOK |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/297-peratus-wanita-ahli-pengarah-di-100-syarikat-tersenarai-awam-425041 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264739/berita/nasional/ahli-pengarah-wanita-syarikat-tersenarai-awam-kini-297-peratus | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=BRS9cpfsNDU | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=u2terb_OHH4 | YOUTUBE |
| | https://www.astroawani.com/video-malaysia/penglibatan-wanita-dalam-korporat-catat-peningkatan-positif-x8lyts1 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2200311 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **KURSUS PRA PERKAHWINAN JABATAN AGAMA MASIH WAJIB - NANCY** | |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kursus-pra-perkahwinan-jabatan-agama-masih-wajib-nancy-x8lyfwb | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bakal-pengantin-masih-wajib-hadir-kursus-praperkahwinan-nancy-425029 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=SEQRI6UCgDY | YOUTUBE |

23/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **RM50 JUTA BAGI PELAKSANAAN GERAN KHAS HASANAH 4** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/980410/rm50-juta-bagi-pelaksanaan-geran-khas-hasanah-4 | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117826/kerajaan-peruntuk-rm50-juta-laksana-geran-khas-hasanah-4-pm | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.thesundaily.my/local/govt-provides-rm50-million-in-matching-grant-for-implementation-of-hasanah-special-grant-4-KC11139982 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264857/berita/nasional/kerajaan-peruntuk-rm50-juta-bagi-pelaksanaan-geran-khas-hasanah-4 | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **PENCURI BERSELIMUT KEBAS BEG WARGA EMAS DALAM SURAU** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/pencuri-berselimut-kebas-beg-warga-emas-dalam-surau/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264713/berita/semasa/lelaki-berselimut-curi-beg-imam-ketika-solat-subuh | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/980188/berkelubung-selimut-mencuri-di-surau | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/berselimut-curi-beg-ketika-solat-subuh/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **AKTIVITI FIZIKAL KANAK-KANAK, REMAJA RENDAH** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/aktiviti-fizikal-kanak-kanak-remaja-rendah/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kanak-kanak-remaja-malaysia-tak-aktif/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264829/berita/nasional/aktiviti-fizikal-kanak-kanak-remaja-tidak-memuaskan-tahun-lalu | SINARHARIAN.COM.MY |

23/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **BEKAS TEMAN WANITA PEMAIN BOLA SEPAK SABAH DITAHAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117511/bekas-teman-wanita-pemain-bola-sepak-sabah-ditahan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/22/bekas-teman-wanita-pemain-bola-sepak-sabah-ditahan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/980157/polis-tahan-bekas-teman-wanita-pemain-bola-sepak-sabah | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264706/berita/semasa/bekas-teman-wanita-pemain-bola-sepak-sabah-ditahan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/bekas-teman-wanita-pemain-bola-sepak-ditahan/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/video/2023/06/bekas-teman-wanita-pemain-bola-sepak-ditahan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **INSIDEN KEPALA AIR DI KKB: WANITA CHINA DITEMUKAN LEMAS** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/insiden-kepala-air-di-kkb-wanita-china-ditemukan-lemas-424976 | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/22/insiden-kepala-air-di-kkb-wanita-warga-china-ditemukan-lemas/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=taHnh1vrv3A | YOUTUBE |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/wanita-china-ditemukan-lemas-rakan-masih-hilang-x8lxvvv | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **PERIKSA KEBERADAAN ANAK, WANITA GAGALKAN CUBAAN PUNGUT DUIT TEBUSAN** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/22/periksa-keberadaan-anak-wanita-gagalkan-cubaan-pungut-duit-tebusan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

23/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **MOF TIDAK CADANG BERI REBAT PELEPASAN CUKAI BELI KERETA KEPADA OKU** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264777/berita/nasional/mof-tidak-cadang-beri-rebat-pelepasan-cukai-beli-kereta-kepada-oku | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/22/tiada-perancangan-beri-rebat-pelepasan-cukai-pembelian-kenderaan-kepada-oku/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.thesundaily.my/local/mof-not-proposing-to-grant-income-tax-relief-for-b40-m40-oku-for-vehicle-purchase-BC11137633 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/tiada-pelepasan-cukai-kepada-oku-beli-kenderaan-bermotor/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **'INSPEKTOR SHEILA' DITAHAN KERJA, LAPAN KERTAS SIASATAN DIBUKA - SAIFUDDIN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117639/inspektor-sheila-ditahan-kerja-lapan-kertas-siasatan-dibuka | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perlekeh-lans-koperal-anggota-polis-wanita-digantung-tugas-sejak-minggu-lepas-saifuddin-425046 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.agendadaily.com/isu-semasa/polis-wanita-tular-digantung-tugas-8-kertas-siasatan-dibuka/ | AGENDADAILY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **DUA NENEK RUGI RM10,000 DITIPU LELAKI MENYAMAR ORANG MENTERI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/dua-nenek-rugi-rm10000-ditipu-lelaki-menyamar-orang-menteri/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264765/berita/semasa/orang-menteri-perdaya-warga-emas-ditahan-polis | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264725/berita/semasa/dua-warga-emas-rugi-rm10000-ditipu-orang-menteri | SINARHARIAN.COM.MY |

23/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **BERILAH PELUANG KEPADA ZUL, DIA DAH INSAF** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/980271/berilah-peluang-kepada-zul-dia-dah-insaf | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/peluang-kedua-untuk-pesalah-juvana/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **EMPAT ANGGOTA POLIS DIDAKWA LAKUKAN PERAS UGUT REMAJA, WANITA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1117745/empat-anggota-polis-didakwa-lakukan-peras-ugut-remaja-wanita | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/empat-anggota-polis-didakwa-peras-ugut-cabul-remaja-berkhalwat/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **PEMANDU KUDUNG HARAP BANTUAN IBU BAPA URUS DIRI ANAK-ANAK** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/pemandu-kudung-harap-bantuan-ibu-bapa-urus-diri-anak-anak/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/duda-kudung-kaki-tak-mampu-siapkan-tempahan-sarung-pisau/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **MASALAH SOSIAL YANG TIDAK BERKESUDAHAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/264691/suara-sinar/analisis-sinar/masalah-sosial-yang-tidak-berkesudahan | SINARHARIAN.COM.MY |

23/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **SET UP ANTI-SEXUAL HARASSMENT TRIBUNAL PROPERLY RATHER THAN QUICKLY, SAY GROUPS** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/22/set-up-anti-sexual-harassment-tribunal-properly-rather-than-quickly-say-groups | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **PINDAAN PERLEMBAGAAN BABIT KEWARGANEGARAAN DIBUAT SECARA KOMPREHENSIF** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/22/pindaan-perlembagaan-babit-kewarganegaraan-dibuat-secara-komprehensif/ | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **OKU NIKMATI REBAT PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN** | |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/22/oku-nikmati-rebat-pelepasan-cukai-pendapatan/ | HARAKAHDAILY.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **IBU SEDIH ANAK DIBULI RAKAN SEBAB MISKIN, ADIK CACAT** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/ibu-sedih-anak-dibuli-rakan-sebab-miskin-adik-cacat/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **20 INDIVIDU TERMASUK WANITA DIDENDA SELEPAS MENGAKU SALAH MAIN JUDI BELANGKAS** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/20-individu-termasuk-wanita-didenda-selepas-mengaku-salah-main-judi-belangkas-425072 | ASTROAWANI.COM |

23/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **PVIP MALAYSIA TAK MEMUASKAN GAGAL CAPAI SASARAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117550/pvip-malaysia-tak-memuaskan-gagal-capai-sasaran | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **JEMAAH B40, M40 TOLAK SUBSIDI BAYAR KOS PENUH IKUT SYARAT** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117554/69-jemaah-b40-m40-tolak-subsidi-bayar-kos-penuh-ikut-syarat | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **SURI RUMAH ULANG ALIK 5 KILOMETER SETIAP HARI AMBIL BEKALAN AIR** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/suri-rumah-ulang-alik-5-kilometer-setiap-hari-ambil-bekalan-air-2/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **PERBINCANGAN TATACARA PENGURUSAN DANA KERAJAAN BERBENTUK INSENTIF / BANTUAN / SUBSIDI DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)** | |
| | https://www.facebook.com/kpwkm/posts/pfbid02g3rwenhMiphZ1RBn5qt8LUzgx3VoRccFftkfoRunRKkKzRgQm9W6kK4py4yCaQwwl | FACEBOOK |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **BE KEY CONTRIBUTORS MALAYSIA MADANI, SOCIAL IMPACT LEADERS TOLD** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/06/923023/be-key-contributors-malaysia-madani-social-impact-leaders-told | NST.COM.MY |

23/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **[VIDEO] WANITA TRAUMA JIRAN KETUK RUMAH GUNA KAYU PUKUL 3 PAGI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/video-wanita-trauma-jiran-ketuk-rumah-guna-kayu-pukul-3-pagi/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **TINGGALKAN BAYI DI HOSPITAL, IDA YATUN MUSLIHAN DICARI JKM** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/980184/tinggalkan-bayi-di-hospital-ida-yatun-muslihan-dicari-jkm | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **KANAK-KANAK YATIM DI KELANTAN ANGKARA COVID 19** | |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/22/140-kanak-kanak-yatim-di-kelantan-angkara-covid-19/ | HARAKAHDAILY.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 29 | **SIDANG KEMUNCAK KE-2 MALAYSIAN SUSTAINABILITY LEADERSHIP SUMMIT (MSLS)** | |
| | https://www.facebook.com/kpwkm/posts/pfbid02U45qobHD5mMXgJfauyejEqaTXFmLB84ob8nZbusJhXrVDCWt1u8miwxUBudxZ2hWl | FACEBOOK |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 30 | **DUA BERADIK PONTENG SEKOLAH, KERJA 12 JAM SEHARI UNDANG SIMPATI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/06/22/dua-beradik-ponteng-sekolah-kerja-12-jam-sehari-undang-simpati/ | KOSMO.COM.MY |

23/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 31 | **MASIH RAMAI TIDAK PEKA GUNA KOD QR PRIH@TINJKMMELAKA** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/masih-ramai-tidak-peka-guna-kod-qr-prihtinjkmmelaka/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 32 | **PERASMIAN THE HASANAH FORUM & ASIAN VENTURE PHILANTHROPY NETWORK GLOBAL CONFERENCE 2023** | |
| | https://www.facebook.com/kpwkm/posts/pfbid06JANxzDZCdABj7HByqwMLLtVboHaCUh8MaAR9wgEsbEAJRFQ123AUdh71hw9gYDFl | FACEBOOK |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 33 | **MASALAH KESUBURAN LELAKI DI MALAYSIA MEMBIMBANGKAN, JANGAN SALAHKAN PEREMPUAN JE!** | |
| | https://siraplimau.com/masalah-kesuburan-lelaki/ | SIRAPLIMAU.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 34 | **TERKINI : BANTUAN WARGA EMAS SEBANYAK RM500 SEBULAN – MOHON SEKARANG!** | |
| | https://www.portalmalaysia.com/terkini-bantuan-warga-emas-sebanyak-rm500-sebulan-mohon-sekarang/ | PORTALMALAYSIA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 35 | **THE HASANAH FORUM 2023 & THE AVPN GLOBAL CONFERENCE 2023 DELIVERED BY DATO’ SRI HAJAH NANCY SHUKRI - MINISTER OF WOMEN, FAMILY & COMMUNITY DEVELOPMENT** | |
| | https://shorturl.at/chmyR | ASTROAWANI.COM |

23/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 36 | **140 KANAK-KANAK YATIM DI KELANTAN ANGKARA COVID-19** | |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/06/22/140-kanak-kanak-yatim-di-kelantan-angkara-covid-19/ | HARAKAHDAILY.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 37 | **SEMAKIN RAMAI KANAK-KANAK ALAMI OBESITI, KATA KKM** | |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/448938 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 38 | **'KES BILA TU?'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/980289/kes-bila-tu | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 39 | **CADANGAN SIAR PROGRAM KHUSUS UNTUK OKU DIPERTIMBANGKAN** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/22/cadangan-siar-program-khusus-untuk-oku-dipertimbangkan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 40 | **AMIR TAK MENGAKU ROGOL REMAJA OKU** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/980291/amir-tak-mengaku-rogol-remaja-oku | HMETRO.COM.MY |

23/6/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 41 | **BAYI LELAKI DITINGGALKAN DI HTAA SEMAKIN STABIL** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/06/22/bayi-lelaki-ditinggalkan-di-htaa-semakin-stabil/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 42 | **DANA BERNILAI RM13.95 JUTA DIBANGUNKAN BAGI KESEJAHTERAAN MENTAL BELIA SERANTAU** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dana-bernilai-rm1395-juta-dibangunkan-bagi-kesejahteraan-mental-belia-serantau-425081 | ASTROAWANI.COM |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 69 JEMAAH B40, M40 TOLAK SUBSIDI HAJI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# 69 jemaah B40, M40 tolak subsidi haji

## Bayar penuh berpegang syarat wajib tunai ibadah apabila mampu



Daripada Syuhada Choo Abdullah
di Makkah

**Seramai** 69 jemaah B40 dan M40 menolak bantuan kewangan haji atau subsidi yang layak mereka peroleh sebagai Dhuyufurrahman, tahun ini, sebaliknya membayar kos penuh RM30,850 kerana berpegang kepada syarat istitha'ah atau kemampuan dalam kewajipan menunaikan ibadah itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata kira-kira 400 jemaah pula mengambil inisiatif mengurangkan kebergantungan mereka terhadap bantuan kewangan haji dengan membuat pembayaran tambahan antara RM1,000 hingga RM12,000 berbanding kos bersubsidi dikenakan.

Beliau berkata, dana bantuan tidak digunakan itu akan diagihkan semula kepada pendeposit TH dalam bentuk dividen pada tahun berikutnya.

Malah, katanya, ada kira-kira 60,000 pendeposit Lembaga Tabung Haji (TH) yang belum berjaya dalam rayuan dan masih menunggu giliran menunaikan haji, turut menyatakan persetujuan untuk membayar kos penuh itu.

Mohd Na'im sekali gus menjelaskan bahawa jemaah yang berjaya dalam rayuan untuk menunaikan haji di luar giliran perlu membayar kos penuh RM30,850 kerana dianggap sebagai berkemampuan dengan mempunyai simpanan mencukupi.

"Seramai 31,600 jemaah dapat ke Tanah Suci untuk menunaikan haji tahun ini daripada berjuta-juta yang masih menunggu giliran.

"Bayangkan jika mereka yang merayu dapat memotong giliran dan memperoleh pula bantuan kewangan haji, sedangkan beribu-ribu lagi pendeposit berkemampuan serta bersetuju untuk membayar RM30,850 tetapi tidak berjaya dalam rayuan," katanya ketika mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat TH di Makkah, Abraj Al-Janadriyah dan beramah mesra dengan jemaah Malaysia, kelmarin.

Terdahulu pada sesi ramah mesra, seorang jemaah wanita meminta golongan B40 dan M40 yang berjaya dalam rayuan untuk menunaikan haji di luar giliran, juga diberikan bantuan subsidi.

Sambil menjelaskan ibadah haji diwajibkan ke atas mereka yang berkemampuan berdasarkan ayat al-Quran dan hadis, Mohd Na'im berkata, TH menyediakan bantuan kewangan haji bagi kebajikan jemaah yang layak serta mengikut giliran diperuntukkan.



*Mohd Na'im beramah mesra dengan jemaah Malaysia ketika mengadakan lawatan ke Abraj Al-Janadriyah di Makkah, kelmarin.* (Foto ihsan TH)

### TH utamakan giliran

Justeru, bagi tawaran pada Musim Haji 1444H/2023M, katanya, jemaah yang diberi keutamaan adalah mereka yang sudah tiba giliran pada 2020 hingga 2022 tetapi tidak dapat ke Tanah Suci berikutan COVID-19.

Apabila berlaku kekosongan atas pelbagai faktor seperti jemaah terbabit sudah meninggal dunia atau tidak dapat pergi disebabkan alasan tersendiri, beliau berkata, TH membuka kepada rayuan pendeposit di luar giliran.

"Sebagai contoh, jemaah yang merayu ini gilirannya adalah pada 2026 dan sepatutnya akan menerima bantuan kewangan haji tahun itu. Apabila membuat rayuan, ia diterima dan dia dimasukkan pada 2023.

"Asas dasar TH ialah mereka yang membuat rayuan adalah golongan berkemampuan, iaitu sudah mempunyai simpanan mencukupi sebanyak RM30,850.

"Oleh itu, mereka merayu untuk menunaikan haji tahun ini serta tidak mahu menunggu hingga tahun giliran mereka," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BEKAS KEKASIH PEMAIN BOLA SEPAK DITAHAN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bekas kekasih pemain bola sepak ditahan

**Kota Kinabalu:** Polis menahan seorang wanita yang dipercayai merosakkan pintu rumah bekas teman lelakinya yang juga pemain bola sepak Sabah, di sini, malam kelmarin.

Wanita itu ditahan pada jam 8 malam selepas lelaki terbabit yang juga bekas pemain kebangsaan membuat laporan polis pada Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Mohd Zaidi Abdullah berkata, pemain bola sepak berkenaan membuat laporan mengatakan pintu rumahnya dirosakkan oleh wanita terbabit.

**Didakwa rosakkan pintu**

"Pengadu memberitahu pintu rumahnya dirosakkan bekas teman wanitanya. Suspek kemudian ditahan dan kita percaya dapat menyelesaikan kes ini.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan kerana melakukan khianat," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Zaidi menasihatkan orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi, perkongsian dan menyebarkan sesuatu berita daripada sumber yang tidak sahih berhubung kes ini yang telah dimuat naik dan tular di platform media sosial.

Sebelum ini, media melaporkan seorang bekas pemain kebangsaan dipercayai membelasah kekasihnya sehingga cedera selepas berlaku pergaduhan antara mereka baru-baru ini.

Pemain terbabit dikatakan sering melakukan perbuatan itu sehingga kekasihnya yang juga seorang doktor bertindak mendedahkan perkara itu kepada umum.

Akibat perbuatan itu wanita berkenaan dikatakan lebam di tangan dan mengalami beberapa kesan calar sebelum mendapatkan rawatan susulan di sebuah hospital swasta.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INSPEKTOR SHEILA DIGANTUNG TUGAS | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Inspektor Sheila digantung tugas

## Kertas siasatan dibuka berkait hina anggota, pangkat rendah bertengkar di parkir

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pegawai polis wanita yang beberapa kali videonya tular memarahi anggota polis bawahan dan orang awam, baru-baru ini sudah digantung tugas.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pegawai terbabit ditahan kerja sejak minggu lalu dan arahan itu berkuat kuasa sehingga proses siasatan selesai.

Katanya, setakat ini terdapat dua kertas siasatan dibuka, masing-masing mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan dan Seksyen 186 kanun sama.

"Proses rakam percakapannya sudah diambil pada 18 Jun lalu dan kedua-kedua kertas siasatan sudah dirujuk kepada Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) Bukit Aman pada 19 Jun lalu.

"Pada masa sama, enam kertas siasatan tatatertib dibuka oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIP) Bukit Aman berkait kes yang dihadapinya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis serah terima tugas Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di sini, semalam.

Saifuddin berkata, enam kertas siasatan tatatertib oleh JIPS itu berkaitan dengan beberapa video yang tular dalam kejadian di Taman Sri Gombak dan ketika pegawai itu bertengkar dengan orang awam, baru-baru ini.

"Dengan tindakan yang diambil ke atas pegawai polis wanita itu, diharap orang ramai tahu Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai kaedah dan mekanisme yang jelas untuk menangani perilaku sebegini.

"Kita biarkan pihak polis mengguna pakai undang-undang dan saluran dalaman seperti JIPS untuk menguruskan perilakunya yang menyebabkan ketidaktenteraman dalam kalangan masyarakat dan menimbulkan persepsi tidak baik terhadap PDRM," katanya.

### Netizen kecam video tular

Sebelum itu, pegawai berkenaan menerima kecaman netizen selepas dua klip video masing-masing berdurasi 24 dan 10 saat dimuat naik di media sosial Khamis lalu, memaparkan diri dia mencemuh seorang lagi anggota berpangkat Lans Koperal dalam kejadian sekitar Gombak.

Susulan itu, polis Selangor memanggil pegawai wanita terbabit untuk dirakam keterangan sebelum ditahan berhubung kejadian berkenaan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak.

Media sebelum ini turut melaporkan polis mengesahkan menerima laporan kejadian seorang pegawai polis wanita yang dikenali sebagai 'Inspektor Sheila' bertengkar dengan orang awam di parkir pusat beli-belah di Brickfields, di sini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'BIAR KES INI CEPAT SELESAI, TAK NAK LAMA-LAMA' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |



HISHAM (dua dari kanan) menyampaikan bayaran faedah Perkeso kepada Khairul Auzuddin (dua dari kiri) dan Noor Zaimah di kediaman mereka di Felda Lepar Hilir, Kuantan. - Gambar NSTP/KHAIRULMIZAN YAHYA

# 'Biar kes ini cepat selesai, tak nak lama-lama'

**Kuantan:** Ibu kepada dua beradik yang terkorban dalam kemalangan baru-baru ini, berharap pendakwaan mahkamah terhadap pemandu lori tangki yang menyebabkan kematian anaknya itu dapat diselesaikan segera.

Dua anaknya, Nur Alia Saffiyah, 18 dan Siti Mazurah Zulkifli, 30, maut selepas kenderaan dinaiki mereka bertembung dengan sebuah lori tangki yang terbabas ke laluan bertentangan di Jalan Kuantan – Segamat, dekat simpang Felda Lepar Hilir di sini, Selasa lalu.

Wanita terbabit, Noor Zaimah Yunus, 53, berkata, dia mengikuti perkembangan prosiding mahkamah berkaitan kes anaknya itu menerusi laporan berita.

"Saya harap kes ini dipermudahkan serta pelaku (pemandu lori tangki) boleh mengaku...biar cepat kes ini selesai, tak nak lama-lama," katanya di kediamannya di Felda Lepar Hilir di sini, semalam.

Terdahulu, Noor Zaimah menerima kunjungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) diketuai Pengarahnya, Hisham Abdul Rahman.

Dalam pada itu, suami kepada Siti Mazurah, Khairul Auzuddin Jasni, 30, berkata, dia terkilan kerana tidak sempat berjumpa dengan isterinya.

"Saya bekerja di luar kawasan iaitu di Johor selama seminggu. Pada hari kejadian, saya sudah balik ke Kuantan namun belum sempat menemui isteri.

"Sebaik dimaklumkan ahli keluarga berhubung kejadian menimpa isteri, saya bergegas ke lokasi kejadian dan melihat isteri sudah dalam keadaan tidak bernyawa.

"Petang sebelum kejadian, kami sempat berhubung melalui panggilan video di WhatsApp, namun dia tidak menunjukkan sebarang perubahan sikap," katanya.

Sementara itu, Hisham berkata, bayaran Faedah Pengurusan Mayat RM2,000 sudah dibuat kepada waris mangsa iaitu ibu dan suami manakala waris juga akan menerima bayaran Faedah Orang Tanggungan setiap bulan untuk tempoh seumur hidup.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAYI DITINGGALKAN IBU KANDUNG DI HOSPITAL | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bayi ditinggalkan ibu kandung di hospital

**Serdang:** Seorang wanita warga Indonesia dipercayai meninggalkan anak kandungnya selepas melahirkan bayi lelaki itu di Hospital Serdang di sini, pada 13 Mac lalu.

Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan Subang dalam kenyataannya semalam, memaklumkan bayi berkenaan dirujuk kepada pihaknya oleh hospital terbabit pada 8 Mei lalu.

"Kami dimaklumkan pihak Hospital Serdang bayi berkenaan yang bernama Muhammad Alif ditinggalkan oleh ibu kandungnya, Ida Yatun Muslihan.

"Kami dimaklumkan wanita terbabit dikatakan meninggalkan anaknya itu di wad penjagaan intensif untuk bayi (NICU) Hospital Serdang sebelum menghilangkan diri serta gagal dikesan," katanya.



MUHAMMAD Alif

Orang awam yang mengenali dan mempunyai maklumat berkaitan ibu kandung atau waris bayi itu diminta menghubungi pegawai kes, Wan Auni Sabihah Wan Mustafa di Unit Kanak-kanak, Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan Subang Jaya di 03-56343095.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAYI HIDUP SMA TYPE 1 SELAMAT TERIMA SUNTIKAN ZOLGENSMA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bayi hidap SMA Type 1 selamat terima suntikan Zolgensma

**Kuala Lumpur:** Bayi Wan Muhammad Naail Wan Aslam yang menghidap *Spinal Muscular Atrophy* (SMA) Type 1, selamat menjalani prosedur suntikan ubat Zolgensma bernilai RM9.8 juta, petang kelmarin.

Bapanya, Wan Aslam Zakaria, 30, berkata, sehingga kini, anak bongsu daripada tiga beradik itu masih dipantau di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

"Alhamdulillah semuanya selesai. Setakat ini, tiada kesan sampingan sangat.

"Keadaan Baby Naail juga macam biasa dan masih dipantau 24 jam," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Katanya, tempoh keberkesanan ubat itu bergantung kepada keadaan pesakit sebelum menjalani prosedur itu.

"Jika simptom SMA itu tidak teruk semasa ambil ubat, kesannya lebih cepat mungkin dalam masa setahun akan nampak perkembangan yang baik.

> *Jika simptom SMA itu tidak teruk semasa ambil ubat, kesannya lebih cepat mungkin dalam masa setahun akan nampak perkembangan yang baik"*
>
> **Wan Aslam**

"Tapi kalau simptom SMA sudah teruk sehingga pakai mesin pernafasan, ia akan mengambil masa sedikit demi sedikit, malah bertahun.

"Ada kes dua ke tiga tahun bayi sudah boleh duduk, tapi perkembangan itu Insya-Allah ada.

"Ini semua juga bergantung kepada post medication, rawatan pemulihan iaitu jika kerap menjalani fisioterapi dan ikut sistemnya, Insya-Allah nampak kesan lebih cepat," katanya.



WAN Aslam dan isterinya di samping Wan Muhammad Naail ketika prosedur suntikan ubat Zolgensma di PPUM, petang kelmarin.

Wan Aslam berkata, mereka sekeluarga tidak putus asa dan berdoa supaya keajaiban berlaku kepada bayinya itu serta berterima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang banyak membantu serta memberi dorongan kepada mereka.

"Syukur kepada Allah dan terima kasih kepada semua.

"Ubat ini dibeli dengan hasil sumbangan yang penuh dengan rasa kasih sayang orang ramai terhadap anak kami.

"Semoga dengan asbab itu, insya-Allah Allah SWT akan menyembuhkan penyakit anak kami seterusnya dia mampu memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara pada masa akan datang," katanya.

Sebelum ini, kisah Baby Naail yang didiagnos penyakit jarang jumpa itu sejak usianya empat bulan mendapat perhatian hingga Misi Rakyat menggerakkan kempen kutipan dana sejak 14 April lalu.

Dana bagi pembelian ubat suntikan, Zolgensma itu berjaya diraih hasil sumbangan rakyat Malaysia selepas hampir sebulan kutipan itu dilancarkan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EKSEKUTIF AKAUN NYARIS TERPEDAYA, SCAMMER MINTA WANG TEBUSAN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Eksekutif akaun nyaris terpedaya, *scammer* minta wang tebusan

**Kuala Lumpur:** Seorang eksekutif akaun nyaris menjadi mangsa penipuan apabila *scammer* cuba memperdayakannya dengan mendakwa menculik anaknya dan meminta sejumlah wang tebusan.

Ketua Polis Daerah Brickfields Asisten Komisioner Amihizam Abdul Shukor berkata, pihaknya menerima empat laporan berkaitan satu pesanan yang tular di WhatsApp dengan mendakwa berlaku kejadian culik murid sekolah di sekitar Lembah Klang, sejak 13 hingga 15 Jun lalu.

"Seorang daripada mangsa iaitu seorang wanita tempatan bekerja sebagai eksekutif akaun di syarikat tempatan memaklumkan menerima panggilan telefon dari individu tidak dikenali dengan mendakwa menahan anaknya.

"Suspek mengarahkan mangsa menyerahkan sejumlah wang tebusan namun wanita itu dengan segera bertindak memeriksa keadaan anaknya dan didapati anaknya dalam keadaan selamat," katanya.

Amihizam berkata, selepas memastikan anaknya dalam keadaan selamat, mangsa terus memutuskan panggilan dan membuat laporan.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 420 dan 511 Kanun Keseksaan kerana cubaan menipu.

"Orang ramai dinasihatkan tidak menimbulkan sebarang spekulasi berkaitan kes ini.

"Jangan mudah percaya dengan sebarang panggilan telefon dari individu yang tidak dikenali.

"Buat semakan dengan menghubungi pihak sekolah atau dapatkan pengesahan guru sekolah sekiranya anda mengalami situasi sama," katanya.

Menurutnya, orang awam juga dinasihatkan untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat peribadi dan membuat laporan di balai terdekat sekiranya berhadapan situasi terbabit.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IMAN, ISTERI SEHIDUP SEMATI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

# Imam, isteri sehidup semati

## *Pasangan warga emas hembus nafas terakhir hanya berselang kurang 12 jam*

**Batu Pahat**

Sepanjang hidup, pasangan suami isteri, Muhammad Nasir, 81, dan Hafsah Ahmad, 83, tidak pernah berenggang dan kelmarin, kedua-duanya meninggal dunia hanya berselang kurang 12 jam.

Muhammad disahkan meninggal dunia akibat masalah jantung manakala Hafsah pula selepas mengalami pendarahan otak.

"Hanya beberapa jam selepas Hafsah dikebumikan, saya mendapat panggilan memaklumkan Muhammad pula meninggal dunia," kata Jailan Salikin, 64.

Jailan adalah ahli keluarga pasangan berkenaan.

Menurut Jailan, Allahyarham Muhammad adalah imam dan bilal di Surau Haji Taha di Kampung Sungai Lurus Darat dekat Senggarang.

Katanya, jenazah Hafsah selamat dikebumikan jam 11.30 pagi.

"Hafsah disahkan meninggal dunia jam 1.45 pagi di Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) di sini, semalam (kelmarin), disusuli Muhammad pada jam 1.05 tengah hari (juga kelmarin)," katanya.

Menceritakan perihal pasangan itu, Jailan berkata, Muhammad atau lebih dikenali sebagai Haji Ali dalam kalangan penduduk Kampung Sungai Lurus Darat, dilihat gelisah selepas isterinya dimasukkan ke wad.

"Sebelum dijemput Ilahi, Muhammad kelihatan sihat. Pada Isnin lalu, Hafsah ketika itu sedang mendapat rawatan di HSNI, dan dia meminta izin mahu menziarahnya.

"Muhammad risau kerana Hafsah baru menjalani pembedahan namun berlaku perkara tidak diduga apabila Muhammad tiba-tiba pengsan sebaik melihat keadaan Hafsah.

"Muhammad kemudiannya dimasukkan ke wad kerana pada masa sama, tekanan darahnya semakin rendah. Pagi hari kejadian, Muhammad mendapat tahu Hafsah sudah tiada," katanya ditemui semalam.

Jelasnya lagi, selepas pengebumian Hafsah, dia pulang ke rumah sebelum mendapat panggilan mengatakan Muhammad baru saja meninggal dunia.

"Saya belum sempat berehat, sekali lagi saya menerima berita mendukacitakan," katanya.

Menurutnya lagi, sepanjang hayatnya, pasangan itu sentiasa dilihat bersama termasuk ke surau malah mereka diibaratkan pasangan intim.

Katanya, walaupun Muhammad berjalan menggunakan tongkat, Hafsah tetap menemaninya.

"Muhammad sedih melihat keadaan isterinya yang menjaganya selama ini," katanya yang turut memaklumkan kedua-dua mereka adalah pesara tentera dan guru agama.

Sementara itu, kariah Surau Haji Taha, Abdul Rahman Masrikin berkata, sepanjang hayatnya, Muhammad yang juga bendahari surau antara penyumbang tetap yang melunaskan bil elektrik dan air rumah ibadat berkenaan.

Menurutnya, pasangan berkenaan banyak memainkan peranan menghidupkan surau dengan pelbagai aktiviti malah berjaya menarik kehadiran lebih ramai jemaah.

"Saya sudah lama mengenali mereka. Pasangan itu memang pemurah selain mudah didampingi kariah serta jemaah surau ini.

"Kami cukup terasa dengan kehilangannya. Malah, masih terngiang-ngiang laungan azan serta bacaan surah ketika Muhammad menjadi imam," katanya.



MUHAMMAD ketika hadir melawat isterinya di HSNI pada Isnin lalu.

> *Pasangan itu memang pemurah selain mudah didampingi kariah serta jemaah surau ini"*
>
> **Abdul Rahman**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KERETA KEDIAMANKU | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Kereta kediamanku

## *Lima beranak tinggal dalam kenderaan hampir 10 bulan lalu*

**Oleh Redzuan Muharam**
redzuan.muharam@hmetro.com.my

**Temerloh**

"Mana ada bapa sanggup tengok anak tidur dalam kereta, tapi apakan daya, saya terpaksa," luah bapa tiga anak yang hanya ini dikenali sebagai Razak.

Difahamkan, hampir 10 bulan mereka tinggal di dalam Proton Wira miliknya kerana tiada tempat tinggal.

Kesusahan Razak, 42, bersama isteri yang hanya ingin dikenali sebagai, Siti, 39, dan tiga anak mereka berusia tiga hingga lapan tahun itu mendapat perhatian warganet susulan perkongsian pengguna Facebook, Edi Arjuna Pencerita.

Perkongsian itu memberi sinar buat Razak sekeluarga apabila ramai tampil untuk membantu.

Menurut Razak, dia pernah melakukan pelbagai pekerjaan seperti memotong rumput dan pemandu van sekolah, namun kesempitan hidup mula menimpanya ketika pandemik Covid-19.



SEORANG daripada tiga anak Razak di dalam kereta yang menjadi rumah mereka sekeluarga hampir 10 bulan.

Katanya, sebelum ini mereka pernah tinggal menyewa di Banting, Selangor dan menumpang di rumah keluarga di ibu negara, namun ada masalah yang berlaku menyebabkan mereka membuat haluan sendirian dan akhirnya tinggal di dalam kereta.

Lebih memeritkan apabila Razak dimasukkan ke Hospital Temerloh kelmarin kerana ketumbuhan pada leher yang disedarinya kira-kira sebulan lalu.

"Sepanjang tinggal dalam kereta, saya sudah bawa anak dan isteri bermalam di merata tempat, antaranya sekitar Nilai, Negeri Sembilan; Banting, Selangor dan terbaharu di Lebuhraya Karak, Pahang.

"Kebiasaannya kami tidur di dalam kereta, namun jika ada rezeki lebih, saya bawa anak dan isteri tidur di hotel bajet.

"Alhamdulillah, setakat ini tiada gangguan atau masalah malah polis peronda juga bantu, memantau keselamatan kami," katanya.

Demi kelangsungan hidup, Razak kini mengambil upah sebagai mekanik jalanan tanpa meninggalkan anak dan isterinya, namun upah diterima tidak seberapa menyebabkan sukar untuknya menyewa rumah.

"Saya memang nak sewa rumah cuma apabila dapat duit, kena dahulukan beli makanan dan keperluan anak termasuk susu dan lampin pakai buang.

"Sebelum ini, ada juga simpan duit, tetapi kereta rosak saya terpaksa keluarkan bagi membaiki kereta.

"Pernah juga berniaga jual air tin, tetapi modal tak cukup dan kemudian ambil upah bantu mereka perlukan pertolongan akibat kereta rosak di tengah jalan," katanya dia dimasukkan ke wad (kelmarin).

Menurutnya, doktor memaklumkan dia perlu dibedah bagi membuang ketumbuhan pada leher, berkemungkinan pada Jumaat.

Katanya, JKM bertanya di mana dia sekeluarga mahu menetap selepas ini.

"Kalau boleh saya nak duduk di sekitar Karak dan berharap dapat bantuan bayar wang pendahuluan rumah," katanya.

***Orang ramai berhasrat membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Public Bank 4747117432 atas nama Siti Azeryna Daud.***



TERBAHARU Razak dimasukkan ke Hospital Temerloh kerana ada ketumbuhan pada lehernya yang perlu dibedah.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KUDRAT TIDAK SEGAGAH DAHULU | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



MOHD Suria (kanan) ketika ditemui di rumahnya di Kampung Sungai Durian, Kuala Krai.

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

# Kudrat tidak segagah dahulu

## *Bapa enam anak hidap penyakit saraf 'lawan sakit' demi menyara keluarga*

**Kuala Krai**

"Saya perlu melawan rasa sakit ini dan menggagahkan diri demi mencari sesuap nasi untuk keperluan lima anak yang masih bersekolah," ujar Mohd Suria Humina Sauri Ibrahim, 37.

Menurutnya, dia tidak menyangka rasa kebas tangan kanan dihidapinya sejak setahun lalu berpunca penyakit saraf yang menjejaskan rutin hariannya termasuk keluar mencari rezeki.

"Saya bekerja sebagai tukang rumah untuk menyara keluarga dengan upah RM50 sehari. Jika sebelum ini saya mampu bekerja sehingga enam hari seminggu, namun kini kudrat dimiliki tidak lagi sekuat dahulu.

"Sebagai ketua keluarga, saya tidak pernah putus berdoa supaya sentiasa diberikan kekuatan serta kesihatan yang baik untuk terus mencari rezeki bagi membesarkan anak.

"Bagaimanapun, saya bersyukur kerana mempunyai majikan yang memahami serta prihatin dengan keadaan kesihatan saya. Saya hanya keluar bekerja ketika berasa sihat, namun ada kalanya sakit ini akan menyerang secara tiba-tiba ketika sedang bekerja," katanya semalam.

> *Sebagai ketua keluarga, saya tidak pernah putus berdoa supaya sentiasa diberikan kekuatan serta kesihatan yang baik untuk terus mencari rezeki bagi membesarkan anak"*
>
> **Mohd Suria**

Sebelum itu dia menerima kunjungan Pengerusi Cempaka Merah Asnaf Society Che Norhayati Mohamed yang turut menyampaikan sumbangan wang zakat bagi meringankan beban ditanggung ketika ditemui di rumahnya di Kampung Sungai Durian di sini.

Bapa kepada enam anak berusia antara tiga hingga 16 tahun ini berkata, selain penyakit saraf dihidapi, dia juga menghidap *Obstructive Sleep Apnea (OSA)* iaitu penyakit berkenaan gangguan tidur sejak awal Januari lalu.

"Bagi penghidap penyakit OSA, peratusan oksigen di dalam darah akan jatuh menjunam ke 40 hingga 50 peratus berbanding jumlah normal sekitar 98 hingga 99 peratus.

"Bimbang jantung berhenti dan keadaan itu boleh terjadi pada bila-bila masa terutamanya ketika tidur, saya disarankan doktor supaya menggunakan alat bantuan pernafasan Continuous Positive Airway Pressure (CPAP). Namun disebabkan kekangan kewangan, saya tidak mampu untuk membelinya," katanya.

Menurutnya, sebelum ini degupan jantungnya pernah terhenti beberapa kali ketika sedang tidur menyebabkan isterinya, Siti Khadijah Aziz, 34, perlu berjaga-jaga kerana khuatir perkara sama berulang.

"Setiap tiga bulan sekali saya perlu berjumpa dengan pakar di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai bagi memantau perkembangan tahap kesihatan serta menjalani rawatan fisioterapi," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh menyalurkannya ke akaun Bank Rakyat bernombor 2242912815 atas nama Siti Khadijah Aziz atau menghubunginya di talian 014-6527840.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA BEKAS KEKASH DITAHAN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

CEROBOH KEDIAMAN PEMAIN BOLA SEPAK SABAH

# Wanita bekas kekasih ditahan

Oleh Juwan Riduan
am@hmetro.com.my

**Kota Kinabalu**

Seorang wanita ditahan polis selepas dipercayai menceroboh masuk kediaman pemain bola sepak Liga Super yang juga bekas kekasihnya.

Wanita itu ditahan kira-kira jam 8 malam kelmarin, selepas lelaki terbabit yang juga bekas pemain bola sepak kebangsaan membuat laporan polis Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Mohd Zaidi Abdullah berkata, pemain bola sepak Sabah itu membuat laporan mengatakan pintu rumahnya dirosakkan wanita terbabit.

Katanya, susulan laporan diterima, polis menahan wanita itu untuk membantu siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 427 Kanan Keseksaan kerana perbuatan melakukan khianat.

"Susulan penahanan suspek, polis percaya dapat menyelesaikan kes," katanya.

Sementara itu, Mohd Zaidi berkata, polis menasihati orang awam supaya tidak membuat sebarang spekulasi, perkongsian dan menyebarkan sesuatu berita dari sumber yang tidak sahih berhubung kes ini yang dimuat naik dan tular di media sosial.

Sebelum ini, seorang bekas pemain kebangsaan dipercayai membelasah kekasihnya sehingga cedera selepas berlaku pergaduhan antara mereka.

Pemain bola sepak terbabit dikatakan sering melakukan perbuatan itu sehingga menyebabkan kekasihnya yang juga seorang doktor bertindak mendedahkan perkara itu kepada umum.

Perbuatan terbabit menyebabkan wanita itu mengalami lebam di tangan dan beberapa kesan calar sebelum mendapatkan rawatan susulan di sebuah hospital swasta.

Berikutan itu, pemain berusia 31 tahun itu didakwa di Mahkamah Majistret atas dua pertuduhan memukul dan merosakkan telefon bimbit teman wanitanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'BE KEY CONTRIBUTORS TO MALAYSIA MADANI' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SOCIAL IMPACT LEADERS

# 'BE KEY CONTRIBUTORS TO MALAYSIA MADANI'



*Yayasan Hasanah trustee and managing director Datuk Shahira Ahmed Bazari (left) briefing Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri (right) and Youth and Sports Minister Hannah Yeoh on Yayasan Hasanah's activities at The Hasanah Forum and Asia Venture Philanthropy Network Global Conference in Kuala Lumpur, yesterday.* PIC FROM KPWKM FACEBOOK

## PM urges GLCs to chip in with innovative forms of funding for social enterprises

**KUALA LUMPUR**

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim called on social impact leaders to be key contributors to Malaysia Madani.

He also called on government-linked companies and corporate Malaysia to be more open to innovative forms of funding for social enterprises (SEs) and civil society organisations (CSOs) to encourage innovation in the social impact sector.

"Building a more just and equitable world requires collective efforts from individuals, communities, government and organisations. It requires implementing policies and initiatives that challenge systemic barriers and biases that perpetuate injustice.

"It is important that philanthropy moves beyond charity and becomes a key mechanism that supports social justice by addressing the root causes," he said in his call-to-action closing keynote address at The Hasanah Forum and Asia Venture Philanthropy Network (AVPN) Global Conference (THF x AVPN) 2023 yesterday.

His speech was read out by Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

In the speech, the premier also announced RM50 million in matching grant to Yayasan Hasanah (Hasanah), allocated via 2023 Budget, under the Hasanah Special Grant.

In its fourth year running, the Finance Ministry and Hasanah collaborate to disburse grants that support social impact programmes across Malaysia in education, community development, environment, knowledge, and arts and public spaces.

Of the RM50 million, RM10 million has been earmarked for organisational development grants for accredited Malaysian SEs under the Hasanah Social Enterprise Fund (HSEF) — up from RM5 million that was disbursed in 2022 during the first year of HSEF.

Applications for HSEF 2023 will open next month.

From 2020 to 2022, Hasanah Special Grants worth RM95 million resulted in on-ground support being channelled to 258 civil society partners running 315 social impact programmes benefiting more than two million people across the country.

Meanwhile, under the theme of Fostering Justice-Based Philanthropy: Shifting the Narrative to Action, the recently concluded THF x AVPN brought together influential leaders and practitioners from the social impact ecosystem, including global and Asian investors, funds as well as limited partners, including asset managers, family offices, and institutional investors, as well as civil society organisations, social enterprises, corporations, policymakers and academia.

The goal of the forum was to facilitate action-oriented conversations and cultivate thought leadership within the evolving landscape of philanthropy leading to tangible socio-economic impact to society.

Yayasan Hasanah trustee and managing director Datuk Shahira Ahmed Bazari said the second edition of the forum focused on translating narratives into tangible action, steering philanthropy and impact investing towards its shared vision — a Malaysia that is more progressive and inclusive.

"Towards that end we have showcased Malaysian SEs ready for their next steps in funding to international delegates representing foundations and impact investors. We have also co-launched the US$3 milion Asian Youth Mental Wellbeing Fund to help organisations addressing mental health needs among young people locally and around the region."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COP WHO BERATED COLLEAGUES SUSPENDED, UNDER PROBE | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Cop who berated colleagues suspended, under probe

**KUALA LUMPUR:** The policewoman with video clips of her berating lower-ranking colleagues which went viral has been suspended pending further investigation.

Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said Bukit Aman had opened six disciplinary investigations against the woman, 35, under the Integrity and Standard Compliance Department.

"The investigation is also being carried out under Section 506 of the Penal Code for criminal intimidation and Section 186 for obstructing a civil servant from carrying out his duties.

"Police had recorded her statement on June 18 and she was released," he said after attending the swearing in of new Inspector-General of Police Tan Sri Razarudin Husain at the Kuala Lumpur Police Training Centre here yesterday.

Saifuddin said both investigations were being carried out by the Federal Classified Crime Investigation Unit (D5).

"I hope that the public will know that the police have their own method and mechanism to deal with issues involving one of their own, especially in such cases involving public unrest and disruption of peace."

He said this also showed that the police will not protect anyone, even one of their own.

"Let the police investigate and do their job. If found guilty by the court, she could lose her job.

"The investigation papers will be referred to the Attorney-General's Chambers once completed, for further instructions."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COPS ARREST FOOTBALLER'S EX-GIRLFRIEND FOR ALLEGEDLY DAMAGING HOUSR DOOR | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Cops arrest footballer's ex-girlfriend for allegedly damaging house door

**KOTA KINABALU:** Police arrested the former girlfriend of a Sabah football player Wednesday night for allegedly damaging the door of his house.

Kota Kinabalu District Police Chief ACP Mohd Zaidi Abdullah said at 2.58am, last Saturday (June 17), the football player lodged a police report claiming his ex-girlfriend had damaged the door of his house.

He said at 8pm Wednesday, the police arrested the woman to assist in the investigation under under Section 427 of the Penal Code (commiting mischief).

"With the arrest of the suspect, the police believe they can solve this case.

"Police also advise the public not to speculate, share and spread any news from uncertified sources regarding this case which has been uploaded and spread on social media platforms," he said in a statement yesterday. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FORMER CLERK CLAIMS TRIAL TOMBSTONE SCAM | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Former clerk claims trial to tombstone scam

**LIMBANG:** A former clerk charged with 14 counts of cheating and dishonestly inducing delivery of tombstones involving a total sum of RM21,918 pleaded not guilty at a magistrates' court on Wednesday.

The 27-year-old woman from Miri was accused of committing the offence between January and April this year.

Limbang District Police Chief Superintendent Parum Niot, in a statement said the accused was charged under Section 420 of the Penal Code.

The Section provides for between one and ten years in prison, caning and a possible fine.

The charges were read out to her before Magistrate Shafiza Datu Abdul Razak Tready.

The Court allowed the accused to be released on RM25,200 bail with one local surety and had fixed trial dates on Sept 12 to Sept 14 and Sept 19 to Sept 21 this year.



The accused, escorted by the police personnel at the magistrates' court.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HOPE PLACE COMES TO AID OF POOR FAMILT IN TAPAH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Hope Place photo shows Recky (right) and his family with a Hope Place representative (left) during the visit.

# Hope Place comes to aid of poor family in Tapah

**KUCHING:** Charitable organisation Hope Place has recently visited a poor family-of-five in Tapah area who are in dire need of assistance.

A team from Hope Place gave them some basic food items and drinking water.

The statement said the team met Recky Batu, his wife, two sons and his elderly father at their house. Recky is a daily paid construction worker getting RM50 a day if there is work.

"Earlier this year when his father had to undergo a minor surgery at Sarawak General Hospital, Recky had to take a long leave, thus reducing the family's income. His wife is now jobless," said Hope Place in a statement yesterday.

The statement added that Recky's two sons, 12 and 14, do not have a MyKad and are therefore unable to attend regular school.

Hope Place said a group of good Samaritans has helped the boys to attend online classes and gave them the necessary study equipment as well.

"Their studies include English, Science, Biology and Mathematics. Recky said the boys are very keen to study and never miss their classes which are conducted three times a week," said the statement.

Hope Place also said the family had neither water nor electricity supplies. Rain water or water from a nearby river is collected for their daily use. The family members rely on a solar-powered light, sponsored by a kind individual in 2019.

For more information, Hope Place can be reached at 082-505987.

"Opening hours are from 8am to 5pm from Mondays till Fridays and 8am to noon on Saturdays. All donations are welcomed and receipts will be given upon request. You can donate directly to our bank account MBB: 511289001160 or go to our facebook page to get our Sarawak Pay or S PAY GLOBAL QR code," said Hope Place.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JULY 31 CASE MANAGEMENT OF LOH'S APPEAL OVER HER KIDS' CONVERSION TO ISLAM | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |


# July 31 case management of Loh's appeal over her kids' conversion to Islam

**PUTRAJAYA:** Single mother Loh Siew Hong's appeal to nullify her three children's unilateral conversion to Islam is fixed for further case management on July 31.

Court of Appeal deputy registrar Mariam Hasanah Othman set the case management date to update the status of the records of appeal.

When contacted by Bernama, Loh's lawyer A. Srimurugan, who attended the case management proceeding, said he had informed the deputy registrar that he was still waiting for the High Court grounds of judgment.

Loh's appeal came up for case management before Mariam yesterday.

Also present for the case management were lawyer Danial Farhan Zainul Rijal representing Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council and Perlis assistant legal adviser Ainul Wardah Shahidan for Perlis Mufti Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin, the Perlis state government and the Perlis State Registrar of Converts.

The 36-year-old mother is appealing against the High Court's decision on May 11 to dismiss her judicial review application to challenge the conversion of her three children to Islam by her Muslim convert ex-husband without her consent.

Loh filed the application on March 25 last year, naming the Perlis State Registrar of Converts, Perlis Islamic Religious and Malay Customs Council, Dr Mohd Asri and the Perlis state government as respondents.

The single mother is seeking a declaration that her three children are Hindus and that her ex-husband, M. Nagahswaran, did not have the legal capacity to allow the Perlis State Registrar of Converts to register their children as converts without her consent.

The woman also sought a declaration that her children, as children, do not have the legal capacity to convert to Islam without her consent and also seeking a certiorari order to revoke the Declaration of Conversion to Islam, dated July 7, 2020, issued by the Registrar of Converts of Perlis in the name of her three children.

— Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLICE RECEIVE FOUR REPORTS ON KIDNAPPING SCAM THIS MONTH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Police receive four reports on kidnapping scam this month

**KUALA LUMPUR:** Police received four reports on kidnapping ransom scam targeting schoolchildren in the Klang Valley this month.

Brickfields police chief ACP Amihizam Abdul Shukor said the reports were received between June 13 and 15 after a WhatsApp message about an incident went viral.

"In that case, a local woman who works as an account executive reported receiving a phone call from an unknown individual claiming her son is being held captive and asking for a ransom.

"The complainant immediately checked on her son's condition and found him safe and immediately cut off the suspect's call," he said in a statement yesterday.

Amihizam said the case was being investigated under Section 420/511 of the Penal Code for attempted fraud.

He also advised the public to be wary of calls from unknown individuals and to check by contacting the school.

To check the validity of suspicious telephone numbers and bank account numbers, use the semakmule portal at htpp://ccid.rmp.gov.my/semakmule/.

The public can contact the National Scam Response Centre at 997, Brickfields Police Hotline at 03-22979222, the Kuala Lumpur Police Hotline at 03-21460584/0585 or any nearby police station on any suspected crime or fraudulent activities. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SENIOR CITIZEN PRONOUNCED DEAD AFTER COLLAPSING IN HOUSE | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Handout photo shows medical personnel checking the victim for any vital signs.

# Senior citizen pronounced dead after collapsing in house

Philip Wong

**SIBU:** A 60-year-old woman was found dead in her house here yesterday morning.

The Civil Defence Force (APM) in a statement said it received a distress call at 9.21am and immediately rushed a team to the scene.

"The victim was reported to have fainted in front of the bathroom of her house.

"Initial checks by APM personnel found she had no pulse and was not breathing," said APM, without disclosing further details.

The woman was later confirmed dead by medical personnel, and her body was transported to Sibu Hospital for further action.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ANGRY POLICE OFFICER IN VIRAL VIDEO SUSPENDED | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Angry police officer in viral video suspended

**KUALA LUMPUR:** A 35-year-old female police officer who was caught on videos berating other police personnel and civilians has been suspended.

Two investigation papers have also been opened against the officer, for criminal intimidation and for obstructing a public officer, said Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

"The two criminal cases have been referred to the Bukit Aman CID Special Investigation Unit.

"At the same time, the Police Integrity and Standards Compliance Department (JIPS) has also opened six disciplinary investigation papers against the officer," he told a press conference after witnessing the handing-over ceremony for the posts of Inspector-General of Police (IGP) and Deputy IGP at the Police Training Centre yesterday.

The officer has been suspended pending investigation and possible prosecution, he said.

The officer landed herself in hot water after a video showed her fighting with a rank-and-file policeman.

Another video also emerged allegedly showing her arguing with a member of the public at a car park in Brickfields.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 29.7 PERATUS WANITA, AHLI PENGARAH DI 100 SYARIKAT TERSENARAI AWAM | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 29.7 peratus wanita, ahli pengarah di 100 syarikat tersenarai awam

**KUALA LUMPUR:** Penglibatan wanita sebagai ahli lembaga pengarah di peringkat 100 syarikat tersenarai awam teratas meningkat kepada 29.7 peratus pada 1 April 2023 berbanding 14 peratus pada 2016.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Aiman Athirah Sabu berkata, hanya dua kerusi diperlukan bagi mencapai sasaran 30 peratus untuk 100 syarikat tersenarai awam teratas.

"Ini adalah hasil daripada inisiatif Suruhanjaya Sekuriti yang telah menambah baik kod tadbir urus urusan korporat Malaysia pada 2021 yang semua syarikat tersenarai awam telah diwajibkan untuk melantik sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga pengarah daripada kalangan wanita.

"Inisiatif ini telah berkuat kuasa pada 1 Sept 2022 bagi syarikat bermodal besar dan pada 1 Jun 2023, bagi syarikat tersenarai yang lain-lain," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Senator Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh tentang statistik semasa penglibatan wanita bagi jawatan utama kerajaan dan juga selaku pembuat keputusan untuk sektor swasta.

Aiman Athirah berkata statistik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menunjukkan statistik wanita di peringkat pengurusan tertinggi dalam sektor perkhidmatan awam ialah 38.8 peratus hingga Dis 2022.

Beliau berkata 21 peratus iaitu 204 syarikat daripada 979 syarikat tersenarai awam mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam kalangan ahli lembaga pengarah manakala 24 peratus daripada syarikat berkaitan kerajaan mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat sama.

Selain itu, beliau berkata nisbah bilangan wanita di peringkat tertinggi iaitu barisan kepimpinan utama seperti jawatan ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai kewangan, ketua pegawai teknikal dan ketua pegawai operasi di syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat tersenarai awam telah melepasi sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita.

Beliau berkata kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi untuk menyokong usaha mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan.

Katanya, ini merangkumi tiga cabang strategi iaitu penambahbaikan perundangan dan dasar bagi menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk wanita, menyediakan ekosistem yang menyokong penglibatan wanita serta menyediakan peluang dan akses kepada latihan bagi meningkatkan kesedaran serta kolaborasi bersama pihak berkepentingan.
— Bernama



**PIKUL AMANAH:** Aiman Athirah ketika menghadiri Persidangan Dewan Negara di Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BEKAS KERANI TIDAK MENGAKU SALAH ATAS PERTUDUHAN 14 KES PENIPUAN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bekas kerani tidak mengaku salah atas pertuduhan 14 kes penipuan

**LIMBANG:** Seorang bekas kerani mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Limbang di sini kelmarin atas pertuduhan 14 kes penipuan melibatkan kerugian sebanyak RM21,918.

Wanita berusia 27 tahun yang berasal dari Miri itu dituduh melakukan perbuatan itu berhubung perkhidmatan menyediakan batu nisan dalam tempoh Januari hingga April lalu.

Ketua Polis Daerah Limbang Superintenden Parum Niot dalam kenyataan media semalam berkata, tertuduh telah dituduh di Mahkamah Majistret pada 7 Jun lepas jam 9 pagi.

Bagaimanapun jelas Parum, tertuduh mengaku tidak bersalah ke atas 14 pertuduhan yang dibacakan di hadapan Majistret Shafiza Datu Abdul Razak Tready kelmarin.



**TIDAK MENGAKU SALAH: Tertuduh ketika berada di Mahkamah Majistret Limbang kelmarin.**

"Beliau didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu antara Januari hingga April 2023," katanya lanjut.

Beliau berkata, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM25,200 bagi 14 pertuduhan tersebut berserta seorang penjamin tempatan.

"Tertuduh yang hadir dan tidak diwakili peguam akan didakwa di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan iaitu tipu yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang satu tahun dan tidak lebih sepuluh tahun, serta sebat atau denda jika sabit kesalahan," kata Parum lagi.

Mahkamah katanya, menetapkan tarikh perbicaraan pada 12 September hingga 14 September 2023 dan 19 September hingga 21 September 2023.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GADIS DAYAK DIPELAWA SERTAI PERTANFDINGAN KUMANG BDFC | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Gadis Dayak dipelawa sertai Pertandingan Kumang BDCF

**SIBU:** Gadis Dayak berusia 18 tahun ke atas yang masih bujang di negeri ini dipelawa untuk menyertai Pertandingan Kumang Pesta Kebudayaan Dayak Borneo (BDCF) 2023 sempena Pesta Kebudayaan Borneo (BCF) yang akan berlangsung pada 21 Julai ini.

Anjuran Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS) Sibu, pertandingan itu merupakan satu daripada sorotan utama dalam Pesta BCF pada setiap tahun.

Pengerusi SIDS Sibu Angelyn Uchi Maseng berkata, gadis berketurunan Dayak di negeri ini yang masih bujang, berumur antara 18 tahun ke atas, layak untuk menyertai pertandingan tersebut yang bakal diadakan di Dataran Bandar Sibu Fasa 1.

"Gadis yang berminat untuk menyertai pertandingan ini hendaklah mempunyai ketinggian sekurang-kurangnya 150cm.

"Para peserta yang berjaya dan layak ke peringkat akhir diwajibkan memperagakan 'Ngepan Iban' (bebas)," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, jelasnya, para peserta kemungkinan akan berentap di peringkat saringan bagi menentukan siap yang layak ke pusingan seterusnya dan ke peringkat akhir, namun ia tertakluk kepada bilangan peserta.

Beliau turut memberitahu bahawa jawatankuasa pertandingan telah menyediakan hadiah lumayan pada kali ini berbanding hadiah yang ditawarkan sebelum ini.

"Gelaran 'Kumang' akan membawa pulang wang tunai RM5,000 beserta mahkota, selempang, piala, hamper dan bunga manakala gelaran 'Lulong' (naib johan) akan menerima RM3,000 beserta selempang, piala dan hamper dan tempat ketiga iaitu gelaran 'Selinggar Matahari' akan membawa pulang RM2,000 beserta selempang, piala dan hamper," jelasnya.

Selain itu katanya, peserta yang memperolehi tempat keempat hingga ke-10 akan menerima hadiah saguhati berupa wang tunai RM600 seorang.

Pemarkahan peserta akan dinilai mengikut tiga kriteria utama iaitu kecantikan 50 peratus, pakaian 30 peratus serta keyakinan diri dan gaya sebanyak 20 peratus.

Tambahnya lagi, yuran penyertaan adalah sebanyak RM30 dan tarikh tutup penyertaan adalah pada 12 Julai 2023 jam 5 petang.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Senorita Salleh di talian 013-8061265, Claudia Dieo (014-6526083), Rose Chukan (013-8313990) atau Priscilla Demi Barnabas (011-19353592).




**KEMBALI LAGI: Wanita Dayak bujang dipelawa untuk menyertai Pertandingan Kumang BDCF 2023.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEMAS SRI AMAN TERUSKAN BENGKEL BULANAN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**BERJAYA:** Rosani (kiri) bersama Noor Hazarita (dua kanan) dan Kelvin (empat kanan) bersama peserta bengkel menghasilkan piza maggi dan kek tapak kuda pada bengkel tersebut kelmarin.

# KEMAS Sri Aman teruskan bengkel bulanan

**SRI AMAN:** Unit Pendidikan Kemahiran (PKEM) dan Unit Pembangunan Komuniti (PKOM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Bahagian Sri Aman telah menganjurkan Bengkel Dwi Bulanan di Pusat Kemahiran dan jahitan Unit PKEM di Taman Sentosa Indah, dekat sini kelmarin.

Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan (PPMK) Rosani Ham berkata, bengkel yang dianjurkan kedua-dua unit berkenaan bertujuan untuk berkongsi maklumat serta resipi terbaharu daripada pemaju masyarakat.

Menurutnya, bengkel kali ini pihaknya berkongsi resipi piza maggi dan kek tapak kuda.

Katanya, bengkel bulanan itu dikendalikan pembantu pembangunan masyarakat yang juga Ketua Unit PKOM Kelvin Lambai dan pemaju masyarakat PKOM Noor Hazarita Tajuddin.

Dalam pada itu katanya, bengkel tersebut dilaksanakan bermula Februari lalu sehingga Disember nanti.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS TERIMA EMPAT LAPORAN PENIPUAN CULIK MURID SEKOLAH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 JUN 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis terima empat laporan penipuan culik murid sekolah

**KUALA LUMPUR:** Polis menerima empat laporan berkaitan sindiket penipuan penculikan murid sekolah yang meminta wang tebusan di sekitar Lembah Klang bulan ini.

Ketua Polis Daerah Brickfields ACP Amihizam Abdul Shukor berkata, laporan itu diterima pada 13 hingga 15 Jun lepas, selepas satu pesanan ringkas tular menerusi Whatsapp berkaitan kejadian terbabit.

"Dalam kes itu, seorang wanita tempatan yang bekerja sebagai eksekutif akaun sebuah syarikat tempatan memaklumkan menerima satu panggilan telefon daripada individu tidak dikenali mendakwa menahan anaknya dan meminta sejumlah wang tebusan.

"Pengadu segera bertindak memeriksa keadaan anaknya dan mendapati anaknya dalam keadaan selamat lalu dengan serta-merta memutuskan panggilan suspek tersebut," katanya dalam kenyataan semalam.

Amihizam berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 420/511 Kanun Keseksaan (Cubaan Tipu) dan orang ramai dinasihatkan supaya tidak menimbulkan sebarang spekulasi berkaitan kes itu.

Beliau juga meminta orang ramai agar jangan mudah percaya dengan sebarang panggilan telefon daripada individu tidak dikenali dan perlu membuat semakan dengan menghubungi pihak sekolah sekiranya mengalami situasi tersebut.

"Hubungi balai terdekat jika anda mengalami masalah dan berhadapan dengan situasi ini dan jangan sesekali mendedahkan data peribadi atau maklumat perbankan kepada mana-mana individu yang tidak dikenali," katanya. — Bernama